

# INFORMATION COPY



## SURAT PEKELILING NO. 3 /2021 KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Daripada: Setiausaha Tetap Kepada: Sila lihat Senarai Agihan

Perkara: Sila lihat di bawah Salinan: Sila Lihat di bawah

Rujukan kami: MLGH/ADM/52 Jld. 22(3) Tarikh: 16 Disember 2021

---

### GARIS PANDUAN BAGI KELAYAKAN KEMUDAHAN PERUBATAN BAGI AHLI-AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN SARAWAK

#### 1. Tujuan

Pekeliling ini adalah sebagai penerangan tambahan kepada kelayakan kemudahan perubatan bagi ahli-ahli majlis Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak (PBT).

#### 2. Latar belakang

- 2.1 Kebelakangan ini kementerian telah menerima beberapa permohonan tuntutan kemudahan perubatan ahli majlis daripada PBT.
- 2.2 Surat Pekeliling No.3/2019 bertarikh 19 Ogos 2019 telah memasukan kemudahan perubatan dan kelayakan hospital bagi ahli majlis.
- 2.3 Namun begitu dalam surat pekeliling No.3/2019 tidak menyatakan dengan jelas mengenai kelayakan tuntutan perubatan dan tidak menyatakan jumlah maksima yang boleh dituntut sekiranya ahli majlis berkenaan telah membayar terlebih dahulu kos perubatan beliau, pasangan atau anak-anak dalam tanggungan.

**3. Garis panduan tambahan kepada kelayakan kemudahan perubatan bagi ahli-ahli majlis**

Syarat-syarat kelayakan kemudahan perubatan bagi ahli-ahli majlis adalah seperti berikut:

- (a) Ahli Majlis, pasangan dan anak-anak masih dalam tanggungan. Maksud anak-anak masih dalam tanggungan adalah merujuk kepada anak-anak yang masih belajar dan juga anak-anak yang dikategorikan sebagai kurang upaya;
- (b) Rawatan adalah dihospital atau klinik kerajaan;
- (c) Amaun maksima perubatan adalah tidak melebihi RM3,000.00 setahun;
- (d) Kelayakan kemudahan perubatan ini hanya dalam tempoh lantikan sebagai ahli majlis sahaja; dan
- (e) Pengesahan atau rujukan daripada Hospital atau klinik kerajaan untuk membeli ubat-ubatan atau peralatan kesihatan.

**4. Tanggungjawab dan tindakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**

Dengan mengambilkira PBT mempunyai kuasa autonomi dari segi kewangan, maka PBT adalah bertanggungjawab bagi memastikan kedudukan kewangan PBT adalah kukuh dan dibelanjakan dengan berhikmah.

**5. Tarikh kuatkuasa**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2022**.

Sekian, terima kasih.

**“BERSATU BERUSAHA BERBAKTI”**  
**“AN HONOUR TO SERVE”**



DATU ANTONIO KAHTI GALIS

Setiausaha Tetap

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan  
Sarawak

**Senarai Agihan:**

- (1) Pemangku Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Kuching Selatan
  - (2) Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Miri
  - (3) Pemangku Setiausaha Perbandaran  
Majlis Perbandaran Sibu
  - (4) Setiausaha Perbandaran  
Majlis Perbandaran Padawan
  - (5) Setiausaha Perbandaran  
Majlis Perbandaran Kota Samarahan
  - (6) Setiausaha, Majlis Daerah Bau
  - (7) Setiausaha, Majlis Daerah Lundu
  - (8) Setiausaha, Majlis Daerah Serian
  - (9) Setiausaha, Majlis Daerah Simunjan
  - (10) Setiausaha, Majlis Daerah Sri Aman
  - (11) Pemangku Setiausaha, Majlis Daerah Lubok Antu
  - (12) Setiausaha, Majlis Daerah Betong
  - (13) Pemangku Setiausaha, Majlis Daerah Saratok
  - (14) Setiausaha, Majlis Daerah Luar Bandar Sibu
  - (15) Setiausaha, Majlis Daerah Kanowit
  - (16) Setiausaha, Majlis Daerah Sarikei
  - (17) Setiausaha, Majlis Daerah Maradong & Julau
  - (18) Setiausaha, Majlis Daerah Mato & Daro
  - (19) Setiausaha, Majlis Daerah Dalat & Mukah
  - (20) Setiausaha, Majlis Daerah Kapit
  - (21) Setiausaha, Majlis Daerah Marudi
  - (22) Setiausaha, Majlis Daerah Subis
  - (23) Setiausaha, Majlis Daerah Limbang
  - (24) Setiausaha, Majlis Daerah Lawas
- s.k Pengarah,  
Unit Pentadbiran, Jabatan Ketua Menteri Sarawak

**SENARAI AGIHAN:**

**Setiausaha Sulit Kepada Dato Sri Dr. Sim Kui Hian  
Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak**

**Setiausaha Sulit Kepada Datu Dr. Penguang Manggil  
Menteri Muda Kerajaan Tempatan Sarawak**

**Setiausaha Sulit Kepada Dr. Haji Annuar Rapa'ee  
Menteri Muda Perumahan dan Kesihatan Awam Sarawak**